

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

JMG 418 – Perancangan Bandar dan Wilayah

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab EMPAT (4) soalan. Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan, hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

Sertakan juga ilustrasi atau rajah di dalam jawapan anda bagi soalan yang berkaitan.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

1. (a) Berikan pengertian perancangan.
(5 markah)
- (b) Dengan merujuk kepada pelbagai bencana alam di negara ini, sejauh manakah penggunaan Sistem Maklumat Geografi (GIS) diperlukan bagi membantu proses perancangan bandar dan wilayah di Malaysia?
(20 markah)
2. (a) Senaraikan lima (5) daripada elemen-elemen yang menjadi asas dalam perancangan bandar dan wilayah.
(5 markah)
- (b) Bincangkan mengapa susunan aktiviti perancangan bandar dianggap sebagai suatu aktiviti yang berterusan tanpa batasan tempoh.
(20 markah)
3. (a) Senaraikan lima (5) daripada strategi-strategi pembangunan wilayah yang telah dilaksanakan di Malaysia.
(5 markah)
- (b) Berasaskan kepada prinsip dan kerelevanan Teori Kutub Pertumbuhan, bincangkan amalan dan keberkesanan strategi penyebaran industri sebagai salah satu strategi pembangunan wilayah di Malaysia.
(20 markah)
4. (a) Senaraikan langkah-langkah asas dalam penyediaan sama ada pelan strategik, pelan struktur atau pelan tempatan.
(10 markah)
- (b) Jelaskan bagaimana pelan struktur dan pelan tempatan mampu membuat perancangan guna tanah dan pengurusan bandar yang efektif dan efisien.
(15 markah)

5. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan perancangan alokatif dan perancangan inovatif?
(10 markah)
- (b) Sejauh manakah perancangan dan pembangunan sesebuah bandar baru lebih mudah dan lestari berbanding dengan usaha membangunkan sesebuah bandar lama atau yang sedia ada?
(15 markah)
6. (a) Corak pembangunan sesebuah bandar merupakan cerminan daripada budaya, falsafah, pemikiran serta nilai hidup penghuni-penghuninya. Bincangkan.
(15 markah)
- (b) Tema sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia tahun 2004 ialah "Bandar Selamat Rakyat Sejahtera". Bincangkan peranan dan implikasi tema ini dalam konteks pembangunan bandar di Malaysia.
(10 markah)